



1. JAWATAN	: PEREKA KANAN
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN-JABATAN KERAJAAN
BAHAGIAN	: II
TANGGAGAJI	: B.3 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Seni Reka dan Seni Lukis / Seni Halus / Reka Bentuk Grafik / Reka Bentuk Dalaman atau bidang bersesuaian.
- ii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pereka Tingkat I atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- b) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta mempunyai pengalaman telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/ atau seni lukis.
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEREKA KANAN:

SECARA AM

1. Membantu Bahagian atau Unit Rekabentuk dalam hal ehwal Pentadbiran dan Kakitangan.
2. Membantu Ketua audit dalaman ke atas projek-projek dan proses-proses di dalam system pengurusan kualiti.



3. Memastikan kerja-kerja yang berkaitan dalam hal ehwal rekabentuk berjalan dengan teratur.
4. Lain-lain tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh pihak atasan dari semasa ke semasa.

DI JABATAN KERJA RAYA

1. Mengetuai Kumpulan Rekabentuk Dalaman Bahagian Arkitek yang mengendalikan projek dan rekabentuk dalaman, pameran dan projek-projek khas dan sebagainya.
2. Mengendali, menyelaras, mengawas dan memantau semua projek / kerja yang dikendalikan oleh Bahagian Arkitek (SAR).
3. Melaksanakan projek-projek mengikut peraturan yang ditetapkan seperti piawaian system ISO9001-200, Panduan Pentadbiran Kontrak JKR, Peraturan Kewangan, Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan.
4. Mengemaskinkan makluman dan bertanggungjawab mengenai hal ehwal pegawai dan kakitangan dibawah jagaannya.
5. Menyediakan laporan perkembangan dan kemajuan projek / kerja kepada Arkitek Kanan dari semasa kesemasa jika diperlukan.
6. Membantu Arkitek Kanan didalam penyediaan dan memperkembangkan rekabentuk hiasan dalaman, pameran dan sebagainya dari peringkat konseptual, penyediaan lukisan-lukisan tawaran dan dokumen sehingga ke peringkat pembinaan.
7. Menyediakan pelan cadangan susun atur dari aspek 2 dan 3-Dimensi dengan penggunaan system *autocard* atau *autodesk Revit Building* dan sebagainya bagi tujuan persembahan dan taklimat kepada klien mempunyai kefahaman dan pengetahuan asas mengenai bahan-bahan binaan adalah satu kelebihan.
8. Berkebolehan dalam mengawal, mentadbir dan menyelaras pelaksanaan pembinaan yang diarahkan oleh Arkitek Kanan.